

NAMA :

KELAS :

BAB 2: PEMBANGUNAN PRODUK

BAHAGIAN A

Jawab semua soalan.

Pelanggan menitikberatkan beberapa faktor sebelum membeli sesuatu produk seperti jenama, kegunaan, kebaikan, kelemahan dan pengeluaran produk sebelum membuat keputusan membeli.

- 1 Pernyataan di atas berkaitan tentang

A penambahbaikan.
B maklumat pelanggan.
C latar belakang produk.
D kajian keperluan pelanggan.

Buku Teks ms. 39

- 2 Antara berikut, yang manakah justifikasi pereka bentuk semasa memilih teknologi?

A Ujian kefungsihan produk
B Penambahbaikan produk
C Kajian keperluan pelanggan
D Tujuan penggunaan teknologi

Buku Teks ms. 47

- 3 Berikut ialah pernyataan elemen dalam reka bentuk.

KLON
[21]
2019

- Merujuk kepada objek yang mempunyai ruang, isi padu dan mempunyai lebih daripada satu permukaan
- Bentuk yang kelihatan 3D dinamakan bentuk ilusi

Apakah elemen reka bentuk itu?

A Tekstur C Ruang
B Bentuk D Saiz

Buku Teks ms. 54

- 4 Antara berikut, yang manakah maklumat yang perlu ada dalam lakaran 3D bagi sesuatu produk?

A Konsep C Prinsip
B Tujuan D Fungsi

Buku Teks ms. 64

- 5 Apakah yang dimaksudkan dengan jadual kerja?

A Perancangan seluruh aktiviti yang dipersembahkan dalam bentuk jadual
B Menganggarkan sumber yang diperlukan bagi setiap aktiviti
C Mengurus bahan mentah secara sistematik dan teratur
D Menyusun aktiviti mengikut keutamaan

Buku Teks ms. 73

Projek boleh dilaksanakan dari sudut keupayaan kewangan dan tenaga kerja.

- 6 Pernyataan berikut berkaitan tentang salah satu konsep SMART iaitu

A spesifik.
B boleh diukur.
C boleh dicapai.
D jangka masa ditetapkan.

Buku Teks ms. 77

- Direka bentuk bukan menggunakan bahan sebenar
- Boleh direka bentuk menggunakan kertas, gabus, kadbod, polistirena, kayu lembut dan lain-lain

- 7 Pernyataan di atas berkaitan tentang

A mock-up.
B prototaip.
C produk berfungsi.
D produk berfungsi sebahagian.

Buku Teks ms. 81

- 8 Antara berikut, yang manakah contoh ujian makmal?

A Ujian ketahanan bahan
B Ujian kemuluran
C Ujian parameter
D Ujian masa

Buku Teks ms. 95

- 9 Antara berikut, yang manakah perkara-perkara utama yang perlu diambil perhatian sebelum membuat penambahbaikan sesuatu produk?

A Menguji ketahanan sesuatu bahan
B Memilih produk yang laris dipasaran
C Membuat pengubahsuaian pada semua bahagian
D Menambah baik kemasan pada produk seperti susunan komponen dan warna

Buku Teks ms. 101

- 10 Apakah kepentingan pendokumentasian?

A Diperlukan untuk memfailkan permohonan paten
B Menghuraikan perincian reka bentuk meliputi semua maklumat
C Menambah atau menggantikan komponen yang rosak atau tidak bersesuaian
D Dapat menjana idea dari peringkat mock-up sehingga model produk dihasilkan

Buku Teks ms. 103